

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI  
[ PANDAN ]**

**TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)**

**TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan barangan dan perkhidmatan yang mana peniaga mengambil untung berlebihan dan kenapa Kementerian tidak menggunakan kuasa di bawah Seksyen 15, Akta Kawalan Harga dan AntiPencatutan untuk menghalangnya.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian ini bertanggungjawab mengawal kenaikan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan yang tidak munasabah dengan penguatkuasaan di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011**. Akta ini telah dipinda bagi memantapkan penguatkuasaan dan pindaan Akta tersebut telah **berkuatkuasa pada 1 September 2014**.

Bagi memantapkan penguatkuasaan, pindaan telah dibuat kepada Akta terhadap **Seksyen 15** dengan memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan satu mekanisme menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah bagi apa-apa barangan atau perkhidmatan bagi suatu tempoh tertentu. Mekanisme baru ini iaitu **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014** telah **berkuat kuasa pada 1 Januari 2015**.

Peraturan tersebut menetapkan **peniaga tidak boleh menaikkan margin keuntungan bersih barang dan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan mulai 2 Januari 2015 hingga 30 Jun 2016**. Peniaga yang dikesan menaikkan harga yang tidak munasabah atau menjual barangan atau perkhidmatan dengan harga yang keterlaluan tinggi akan dikeluarkan Notis di bawah seksyen 21 Akta.

Kegagalan peniaga mematuhi arahan dalam Notis untuk mengemukakan justifikasi dan penjelasan serta maklumat atau dokumen yang ditentukan mengikut tempoh masa dan cara yang ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan. Sejak pelancaran Ops Catut pada 14 Februari 2015, di bawah **Seksyen 21 Akta Kawalan Harga**

**dan Antipencatutan 2011** sebanyak **161 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan.